

SULIT
2611/2
Pendidikan
Seni Visual
Kertas 2
Sept.
2010
3 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010


PENDIDIKAN SENI VISUAL
KERTAS 2 (2611/2)
SENI HALUS

1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan.
2. Jawab **satu** soalan sahaja.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

ARAHAN KEPADA CALON

- (a) *Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan.*
- (b) *Lukisan dan Catan anda mestilah ciptaan sendiri tanpa meniru mana-mana gambar dan tanpa bantuan sesiapa pun.*
- (c) *Anda hendaklah menggunakan alat dan bahan lukisan serta Catan sendiri mengikut pilihan anda seperti pen, pensil, cat air, cat poster, dakwat berwarna dan pastel. Jika pastel digunakan, permukaan lukisan anda itu hendaklah disemburkan dengan pemati warna atau ditutup dengan kertas yang sesuai.*
- (d) **Kertas lukisan akan dibekalkan. No Kad Pengenalan, Angka Giliran, No Pusat, No. Soalan dan Markah** hendaklah ditulis di sudut kanan sebelah atas muka hadapan kertas lukisan tersebut. (lihat gambar rajah di bawah). Tinggalkan ruang kosong untuk markah.
- (e) *Lukisan dan Catan anda hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan, kecuali ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.*



PENDIDIKAN SENI VISUAL**Kertas 2 – SENI HALUS**

Lukiskan SATU daripada perkara berikut

1. Sekumpulan buah lada dan buah tomato sedang bersuka ria di sisi sebuah raga. Lukiskan suasana tersebut dengan memberi penekanan kepada unsur warna, bentuk dan ruang.
2. Beberapa ekor ayam jantan dan betina sedang berebut makanan di atas permukaan tanah.
Gambarkan suasana tersebut dengan memberikan penekanan kepada unsur jalinan dan bentuk. Lukiskan suasana tersebut dari jarak dekat.
3. Di satu kawasan kolam ikan, seorang penternak ikan sedang menabur makanan ke dalam kolam ikan peliharaannya. Pokok-pokok keladi dan tumbuh-tumbuhan menghijau kelihatan mengelilingi kolam tersebut.
Lukis situasi ini dengan memberi penekanan kepada bentuk dan ruang
4. Di dalam besen mencuci kelihatan beberapa cawan, piring dan teko.
Lukiskan pemandangan itu dalam jarak dekat.
5. Di sebuah bengkel membaiki basikal kelihatan seorang pekerja sedang membaiki sebuah basikal yang rosak.
Lukis situasi ini dengan memberi penekanan kepada bentuk, ruang dan jalinan.
6. Di sebuah taman rekreasi, anda melihat ke dalam hutan. Kelihatan pelbagai pokok renek dan pokok-pokok besar.
Lukiskan situasi ini dengan member penekanan terhadap perspektif, warna dan jalinan.

TAMAT